



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	BANTU PESAWAH PROSES PADI SENDIRI, ALOR SETAR, SH -25 MUSIM TENGGUJUH REMIS PUN DATANG!, LOKAL, HM -11 DULU ADA 100 SARANG KINI HANYA TINGGAL 13, LOKAL, HM -11 INVENTOR DEVELOPS DURIAN RIND SHREDDER, NATIONAL, THE SUN -6	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2024	SINAR HARIAN	ALOR SETAR	25

Dari kiri: Abdul Rashid, Waleed dan Mohd Nizam bersama mesin memproses beras di Masjid Al-Amin Lahar Budi, Alor Setar.



Bantu pesawah proses padi sendiri

Masjid Al-Amin Lahar Budi sediakan mesin, hidupkan kembali tradisi nenek moyang terdahulu

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
ALOR SETAR

Masjid Al-Amin Lahar Budi mengambil inisiatif menyediakan mesin memproses padi demi memenuhi keperluan penduduk terhadap bekalan beras tempatan, sekali gus mengelakkan manipulasi dalam pasaran.

Setiausahanya, Abdul Rashid Yob berkata, pesawah terutamanya di Kedah menjadikan amalan menyimpan kira-kira 10 peratus padi sebagai tradisi suatu masa dahulu.

Bagaimanapun, beliau berkata, amalan tradisi menyimpan padi untuk dijadikan benih atau menumbuknya menjadi beras tidak lagi dilakukan berikutan peredaran zaman.

"Selepas itu, pesawah mula menjual semua padi kepada kilang sebelum membeli pula beras diproses sehinggalah timbul isu beras tempatan tiada di pasaran.

"Jadi, kami mendapat idea untuk kembalikan semula amalan tradisi nenek moyang dan memenuhi keperluan beras sendiri," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Tambah Abdul Rashid, masjid juga mampu memainkan peranan lebih besar sebagai pusat komuniti termasuklah dari segi ekonomi dengan adanya mesin memproses



Padi yang telah siap diproses menjadi beras sedia dibungkus.

padi seperti di Masjid Al-Amin Lahar Budi.

Sehubungan itu, Abdul Rashid memberitahu, pihak mereka menzahirkan terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya Exco Pertanian, Perlindungan, Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani yang meluluskan permohonan pembelian mesin berkenaan.

"Mana-mana penduduk yang ada menyimpan padi dan mahu memprosesnya menjadi beras tetapi tidak tahu mana lokasinya, boleh datang ke masjid ini," katanya.

Sementara itu, Imam Masjid Al-Amin Lahar Budi, Waleed Mustafa berkata, pihak masjid menyediakan mesin memproses padi untuk membantu penduduk mendapat bekalan beras tempatan kerana memahami kesukaran mendapatkannya pada ketika ini.

Jelas Waleed, usaha berkenaan

mendapat sambutan termasuklah dari luar kariah Lahar Budi sejak diperkenalkan pada Oktober lepas.

"Mesin ini mampu memproses 200 kilogram padi sekali operasi kepada tiga bahagian iaitu beras, beras hancur dan sekam.

"Beras untuk dimakan, beras hancur boleh diproses menjadi tepung dan sekam pula dijadikan makanan ayam," katanya.

Bagaimanapun, jelas beliau, khidmat mesin memproses padi yang disediakan pihak masjid itu terhad untuk kegunaan sendiri sahaja dan bukan tujuan komersial.

Justeru, ujarnya, penduduk yang mahu mendapatkan perkhidmatan memproses padi boleh menghubungi Bendahari Masjid Al-Amin Lahar Budi, Mohd Nizam Salleh (013-5203765) sekiranya ingin menggunakan perkhidmatan mesin berkenaan pada Ahad hingga Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	11

WAN Hafiza menggunakan pengais untuk mencari remis di pesisir pantai.



WAN Hafiza memupuk remis yang dikutip di Pantai Pachakan

PANTAI TOK BALI JADI TUMPUAN RAMAI

Musim tengkujuh remis pun datang!

Bernama
Pasir Putih

Pantai Tok Bali di sini, menjadi tumpuan orang ramai yang melakukan aktiviti mencari remis selepas spesies hidupan laut bercangkerang itu muncul di pesisir pantai berkenaan sejak beberapa minggu lalu.

Rata-rata pencari remis memberitahu mereka mampu mengutip hingga 15 kilogram (kg) dalam tempoh beberapa jam pencarian, dengan harga jualan kira-kira RM15 sekilogram.

Seorang pencari remis, Wan Hafiza Wan Hassan, 45, yang menetap di Kuala Besut, Terengganu memberitahu dia mula menjalankan aktiviti itu sejak beberapa hari lalu bersama dua anaknya.

"Setiap tahun apabila tiba musim tengkujuh, banyak remis berkumpul di tepi pantai. Jadi, biasanya pada musim inilah kami turun ke pantai mencari remis apabila tidak bekerja.

"Ada kalanya kami dapat mengutip hingga 20kg, dan biasanya saya bahagi-bahagikan kepada sanak-saudara untuk sama-sama menikmati hasil laut ini manakala selebihnya kami jual," katanya di Pantai Pachakan yang terletak di Pantai Tok Bali baru-baru ini.

Wan Hafiza yang bekerja sebagai pemandu lori memberitahu pelbagai kaedah boleh digunakan untuk mendapatkan remis termasuk menggunakan tudung saji, raga ataupun sejenis alat yang dikenali sebagai

milih remis dewasa untuk dibawa pulang," katanya yang melakukan aktiviti itu sebagai hobi sampingan.

Sementara itu, seorang ibu tunggal Munah Daud, 62, yang menetap di Kampung Pachakan memberitahu aktiviti mencari remis menjadi sumber pendapatannya pada musim tengkujuh kerana moluska dwicangkang itu mendapat permintaan menggalakkan pada musim itu.

"Biasanya setiap petang, saya dapat kira-kira lima kilogram, jadi, hasil jualan remis ini dapatlah tampong untuk beli keperluan pada musim tengkujuh," katanya.

pengais.

"Saya lebih suka guna pengais kerana cepat dan mudah. Lagipun jumlah remis yang diperoleh lebih banyak."

"Bagaimanapun, saya perlu pilih remis yang dikais kerana saya akan lepaskan semua remis bersaiz kecil ke laut dan hanya me-

Dulu ada 100 sarang kini hanya tinggal 13

Kuala Berang: Seorang penternak lebah kelulut kerugian lebih RM50,000 selepas 87 sarang kelulut diusahakan musnah akibat banjir sejak 12 tahun lalu.

Yahya Yasin, 48, dari Kampung Paya Besar di sini, berkata, dia mengalami kerugian kira-kira RM15,000 pada tahun lalu apabila 19 sarang kelulut musnah akibat banjir.

Katanya, dia yang mengusahakan penternakan lebah kelulut sebagai mata pencariannya sejak 13 tahun lalu memiliki 100 sarang kelulut.

"Kini, hanya berbaki 13 sarang kelulut kerana ia sering musnah akibat banjir yang berlaku saban tahun termasuk banjir besar yang pernah menenggelamkan pekarangan rumah selepas dinaiki air sedalam 1.5 meter."

"Hendak beli sarang baharu (bongkah kayu yang mempunyai koloni lebah kelulut) memerlukan modal yang besar kerana setiap sarang mencecah harga antara RM500 hingga RM750 satu bongkah."

"Sepanjang 12 tahun berdepan banjir, sudah 87 sarang rosak dan saya memilih untuk memasang perancah besi pada tahun ini bagi menempatkan baki sarang yang ada," katanya.

Yahya berkata, kos yang tinggi untuk membeli semula sarang kelulut menye-

habkannya menggunakan kaedah perangkap menggunakan botol air yang dibalut dengan plastik hitam untuk menarik lebah bersarang.

"Saya akan letak propolis pada botol itu bagi menarik koloni lebah kelulut bersarang dan sekiranya perangkap mengena, saya akan alihkan koloni lebah ke sarang yang diperbuat daripada kayu."

"Kaedah itu terpaksa digunakan kerana harga sarang koloni lebah yang mahal dan saya membuat 10 perangkap lebah kelulut yang dipanggang di pokok-pokok yang ada di sekeliling rumah."

"Kaedah ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kerugian yang ditanggung akibat banjir selain perancah besi yang digunakan juga boleh menyelamatkan sarang kelulut daripada ditenggelami banjir," katanya.

Tambah Yahya lagi, hasil madu lebah kelulut yang diternak mendapat permintaan tinggi menyebabkan dia meneruskan penternakan kelulut di pekarangan rumah.

"Biasanya tempoh tiga bulan diambil untuk koloni lebah kelulut bersarang di dalam perangkap dan kaedah itu yang mampu saya lakukan untuk menambah bilangan sarang," katanya.

“Setiap sarang cecah harga antara RM500 hingga RM750 satu bongkah”
Yahya

"Biasanya saya bahagi-bahagikan kepada sanak-saudara untuk sama-sama menikmati hasil laut ini manakala selebihnya kami jual"

Wan Hafiza Wan Hassan



YAHYA memasang perancah besi untuk menempatkan sarang lebah kelulut sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh.

Inventor develops durian rind shredder

KUALA LUMPUR: Durians are indeed much-loved in this country but what happens to the hard, spiky shells or rinds after the pulp is consumed? They are usually discarded in the trash bin or by the roadside.

An innovation by Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Rosnah Shamsudin offers a promising solution for the efficient composting of biowaste such as fruit (including durian) and vegetable peels, ensuring that they no longer end up in landfills but serve as a source of nutrients for plants.

Rosnah, who is a researcher at the Process and Food Engineering Department, leveraged her over two decades of experience in the field to develop a durian rind shredding machine called M'SReD, which can also shred jackfruit, *cempedak* and banana peel.

Her efforts to find a solution for the "thorny" waste of the "king of fruits" started in 2020 when she developed the concept and design for the shredding machine.

"In designing the machine, the focus was on ease of operation to ensure it can be used by unskilled or semi-skilled workers.

"My team and I also made sure all its components have spare parts that are readily available in the local market.

"We also made sure that the machine is easy to maintain, portable and saves both time and energy," she said recently.

"During the prototype development process, we faced many challenges, including ensuring that the shredder teeth were sharp enough to finely shred even the toughest durian rind, while keeping costs reasonable," said the 52-year-old.

She said M'SReD, which resembles a lawnmower, is powered by a 7.0-litre petrol engine and has wheels and weighs 20kg.

"If successfully commercialised, the machine will be available in the market at an estimated price of under RM10,000."

Rosnah has more than 60 registered intellectual properties, an achievement that may be a record in the nation.

She has received over 90 local and international awards, including the Gold Award for M'SReD at the International Invention Innovation and Technology Exhibition 2022. – Bernama